

06 MAY 2002

MAHATHIR: PEMIMPIN PERLU BERKHIDMAT LAMA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Khidmat seseorang presiden atau perdana menteri tidak harus dihadkan kepada sesuatu tempoh tertentu kerana ini akan menjadikannya kurang berkesan dalam menguruskan sesebuah negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai contoh, katanya, jika khidmat seseorang presiden dihadkan untuk tempoh dua tahun, dia akan menggunakan tahun pertama untuk menyesuaikan diri, tahun kedua memahami masalah dan menjelang tahun ketiga, "dia tiada lagi".

Begitu juga, jika seseorang presiden hanya dibenarkan berkhidmat untuk dua penggal, menjelang penggal kedua, dia akan dianggap sebagai presiden yang sudah tiada kuasa, kata Perdana Menteri pada peserta mesyuarat agung antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di sini hari ini.

"Tidak ada yang akan mengikuti kerana dia akan tamat perkhidmatan. Mereka akan tunggu presiden berikutnya," katanya.

Ketika diminta menjelaskan laporan bahawa beliau tidak akan menjadi Perdana Menteri seumur hidup, Dr Mahathir berkata : "Sebab itulah beliau memerlukan 21 tahun."

"Kalau nak ikutkan, jika saya meninggal dunia sekarang, saya akan digolongkan sebagai Perdana Menteri seumur hidup," katanya dengan disambut tepukan dan ketawa.

-- BERNAMA  
MAD AHH MAI